



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PUAN ZAINUN BINTI ABDUL RAHMAN  
PELUKIS BATIK DAN PENGURUS BUTIK AYU FASHION**

**OLEH:**

**NURALISHA BINTI NASIR 2021122177  
AINA SORFINA BINTI MAT SANUSI 2021121379**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN  
MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN BAGI MEMENUHI  
KEPERLUAN KURSUS  
IMR604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 5 (MAC 2023 – OGOS 2023)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PUAN ZAINUN BINTI ABDUL RAHMAN  
PELUKIS BATIK DAN PENGURUS BUTIK AYU FASHION

OLEH:

NURALISHA BINTI NASIR 2021122177  
AINA SORFINA BINTI MAT SANUSI 2021121379

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN  
MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN BAGI MEMENUHI  
KEPERLUAN KURSUS  
IMR604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 5 (MAC 2023 – OGOS 2023)

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran Ilahi kerana dengan izin kurnianya dapat kami menyempurnakan tugas bagi kursus IMR604 – Pendokumentasian Sejarah Lisan ini dengan jayanya.

Dengan kesempatan yang ada ini kami amat berbesar hati untuk menghadiahkan jutaan terima kasih kepada Puan Nurulannisa Abdullah, selaku pensyarah subjek ini kerana telah meletakkan sepenuh kepercayaan beliau kepada kami untuk melunaskan tugas yang diberikan.

Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang tidak putus-putus dalam usaha membantu menyempurnakan tugas ini terutamanya kepada pensyarah kami Puan Nurulannisa Abdullah atas budi bicara beliau dalam memberi tunjuk ajar sepanjang masa tugas ini dijalankan. Selain itu, kami turut berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan kerana telah banyak menghulurkan bantuan dan kerjasama bagi merealisasikan usaha menyempurnakan tugas ini dengan jayanya.

Tidak lupa juga, sekalung penghargaan diberikan kepada Seniman batik iaitu Puan Zainun Binti Abdul Rahman yang juga merupakan pengurus kepada Butik Ayu Fashion. Beliau telah sudi untuk meluangkan masa untuk berkongsi ilmu dan menunjukkan tempat pembuatan batik milik beliau yang terletak di Tumpat, Kelantan.

Ucapan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan tugas ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala bantuan yang telah mereka hulurkan amatlah kami hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan mereka semua tugas ini mungkin tidak dapat dilaksanakan dengan baik.

## ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN .....	i
ABSTRAK .....	ii
SENARAI ABREVIASI .....	v
RUJUKAN KATA .....	vi
BIODATA PENEMUBUAL .....	viii
BIODATA TOKOH .....	xi
SEJARAH LISAN .....	xiii
KAJIAN LITERATUR .....	xvi
TRANSKRIP TEMUBUAL .....	2
A. LATAR BELAKANG TOKOH .....	2
B. LATAR BELAKANG PENDIDIKAN .....	7
C. KERJAYA .....	9
D. SUMBANGAN .....	19
E. HARAPAN .....	21
LOG WAWANCARA .....	25
RALAT .....	34
GLOSARI .....	36
INDEKS .....	39
BIBLIOGRAFI .....	41
LAMPIRAN .....	42
DIARI KAJIAN .....	43
SURAT PERJANJIAN .....	44
SENARAI SOALAN .....	45
GAMBAR .....	49

## ABSTRAK

**Abstrak:** *Di Malaysia, industri batik diklasifikasikan di bawah produk kraftangan yang menyumbang secara signifikan kepada ekonomi orang Melayu. Pasaran batik Malaysia telah mengalami perkembangan yang pesat dalam beberapa tahun yang lalu. Pertumbuhan industri batik dan permintaan pelanggan yang ramai telah mendorong penggiat industri seni untuk mengembangkan produk batik yang inovatif dan kompetitif. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual dengan seorang seniman dan juga merupakan seorang usahawan dalam industri 'Batik' di Tumpat, Kelantan iaitu Puan Zainun Binti Abdul Rahman. Temubual ini dijalankan pada tarikh 21.6.2023 bersamaan dengan hari Rabu pada pukul 10.00 pagi bertempat di pejabat Ayu Fashion. Beliau telah menceburi bidang batik sejak tahun 1979. Kebanyakan produk batiknya telah terjual ke nama-nama yang besar seperti kerabat di Raja begitu juga golongan bangsawan. Tambahan pula, pasaran batiknya telah menembusi pasaran luar negara seperti Indonesia, Thailand, Brunei dan Perancis.*

*Kata kunci: batik, seni, pasaran, usahawan, antarabangsa*

## ABSTRACT

**Abstract:** *In Malaysia, the batik industry is classified under handicraft products that significantly contribute to the Malay economy. The Malaysian batik market has experienced rapid development in recent years. The growth of the batik industry and the high demand from customers have driven art enthusiasts in the industry to develop innovative and competitive batik products. This study utilizes an interview method with an artist who is also an entrepreneur in the batik industry in Tumpat, Kelantan, Mrs. Zainun Binti Abdul Rahman. This interview was conducted on 21.6.2023 at the same time as Wednesday at 10.00 am at the Ayu Fashion office. She has been involved in batik since 1979. Most of her batik products have been sold to big names such as relatives of the King as well as the nobility. Furthermore, the batik market has penetrated foreign markets such as Indonesia, Thailand, Brunei and France.*

*Keywords: batik, arts, marketing, entrepreneur, international*

## SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
AADK	AGENSI ANTI DADAH KEBANGSAAN
KL	KUALA LUMPUR

## SENARAI SINGKATAN

PZ: Puan Zainun Binti Abdul Rahman

NN: Nuralisha Binti Nasir

AS: Aina Sorfina Binti Mat Sanusi

## RUJUKAN KATA

Ni	Ini
Dah	Sudah
Tak	Tidak
Tu	Itu
Je	Sahaja
Gitu	Begitu
Niaga	Berniaga
Kat	Dekat
Pastu	Selepas itu
Takde	Tidak ada
Duk	Menetap
Gi	Pergi
Tu lah	Itu lah
Ngaji	Belajar
Hok	Yang
Tepuh	Rempuh
Sedara	Saudara
Sorang	Seorang



# **BIODATA PENEMUBUAL**

## BIODATA PENEMUBUAL

### 1. Penemubual Pertama



<b>NAMA</b>	NURALISHA BINTI NASIR
<b>TARIKH LAHIR</b>	
<b>TEMPAT LAHIR</b>	PERAK.
<b>ALAMAT</b>	PULAU PINANG
<b>NOMBOR TELEFON</b>	@gmail.com
<b>E-MEL</b>	
<b>PROGRAM</b>	Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)

## 2. Penemubual Kedua



<b>NAMA:</b>	AINA SORFINA BT MAT SANUSI
<b>TARIKH LAHIR:</b>	
<b>TEMPAT LAHIR:</b>	PERAK
<b>ALAMAT:</b>	PERAK
<b>NO TELEFON:</b>	@gmail.com
<b>EMEL:</b>	
<b>PROGRAM:</b>	Pengurusan Maklumat (IM245)

# **BIODATA TOKOH**

## **BIODATA TOKOH**



**Nama:**

Puan Zainun Binti Abdul Rahman

**Alamat Rumah:**

Kelantan.

**Tarikh lahir:**

**Tempat Lahir:**

Kelantan.

**Pekerjaan:**

Pelukis Batik dan Pengurus Butik Ayu Fashion.

# SEJARAH LISAN

## **SEJARAH LISAN**

### **PENGENALAN**

Dalam rangka mengembangkan pasaran batik Malaysia, perlu adanya kerja sama antara kerajaan, seniman industri, dan masyarakat. Keupayaan untuk mempromosikan batik Malaysia melalui pameran, festival, dan platform digital amat penting untuk menjangkau penggunaan oleh masyarakat tempatan dan antarabangsa. Peningkatan kualiti produk, kepelbagaian rekaan, dan penggunaan teknologi juga akan membantu meningkatkan daya saing batik Malaysia di pasaran global.

Peningkatan kesedaran nilai seni dan budaya tradisional juga telah membantu meningkatkan populariti batik Malaysia di dalam dan luar negara. Pasaran batik Malaysia memberikan sumbangan terhadap ekonomi negara. Industri batik dengan mencipta peluang pekerjaan bagi ribuan orang, baik sebagai pelukis batik mahupun di dalam skop kerja yang berkaitan. Selain itu, produk batik yang mampu menembusi pasaran luar negara dapat meningkatkan taraf batik Malaysia di peringkat antarabangsa.

### **PERMASALAHAN KAJIAN**

Permasalahan kajian yang dikaji adalah berkaitan dengan seniman batik dan juga seorang usahawan produk tekstil batik yang terkenal di Tumpat, Kelantan mengenai latar belakang beliau serta cabaran yang dihadapi olehnya, sebagai seorang yang bergelar seniman batik dan pengurus butik Ayu Fashion. Seperti sedia maklum, pelbagai cabaran dihadapi oleh penggiat seni batik Malaysia terutamanya dari aspek persaingan bagi industri batik di Malaysia yang sangat kompetitif, dengan ramai usahawan dan perniagaan bersaing untuk bahagian pasaran. Persaingan ini memberi cabaran kepada usahawan batik untuk menonjolkan produk mereka di pasaran dan menarik lebih ramai pelanggan. Selain itu, cita rasa pelanggan yang sering bertukar dek kerana perubahan trend semasa menimbulkan cabaran kepada usahawan batik untuk terus mengikuti dan menyesuaikan reka bentuk dan penawaran produk mereka dengan sewajarnya. Berikutan trend fesyen yang kian berkembang dan memenuhi permintaan pelanggan yang pelbagai ianya memerlukan inovasi dan fleksibiliti yang berterusan.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

1. Mengkaji latar belakang Puan Zainun Binti Abd Rahman seorang pelukis batik dan juga pengurus Butik Ayu Fashion.
2. Menganalisis sumbangan beliau dalam bidang seni batik dan sumbangan beliau sebagai seorang pengurus Butik Ayu Fashion.
3. Mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh beliau sebagai seorang usahawan.

## **PERSOALAN KAJIAN**

1. Apakah latar belakang kehidupan Puan Zainun Binti Abd Rahman?
2. Apakah sumbangan beliau dalam bidang batik dan juga sebagai seorang pengurus?
3. Apakah cabaran dan rintangan yang dihadapi oleh Puan Zainun Binti Abd Rahman?

## **KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

Melalui kajian yang dijalankan tentang cabaran yang dihadapi oleh penggiat seni batik, antara kepentingan yang dapat diperoleh ialah pemahaman yang lebih baik tentang industri ini dan potensi solusi yang dapat diterapkan pada masa akan datang. Hal ini dapat membantu memperkuat industri batik Malaysia, mempromosikan produk batik, serta meningkatkan penghargaan terhadap seni dan budaya batik diperingkat kebangsaan dan antarabangsa.

Dengan mengkaji cabaran yang dihadapi oleh penggiat seni batik dapat meningkatkan kesadaran tentang masalah yang dihadapi dalam industri ini. Hal ini membantu masyarakat, kerajaan, dan pihak berkaitan untuk memahami rintangan yang dihadapi oleh pengusaha batik dan berusaha dalam mencari jalan penyelesaian yang sesuai.



# **KAJIAN LITERATUR**

## KAJIAN LITERATUR

Secara umumnya, pelbagai kajian telah dijalankan sebelum ini berkaitan dengan seni batik serta kaitannya dengan peningkatan pasaran bagi batik Malaysia. Antara kajian lepas adalah seperti berikut:

### 1. Teknik Penghasilan Batik

Dua teknik mendominasi industri batik Malaysia iaitu batik canting dan batik blok. Batik canting adalah sehelai kain putih yang direntangkan pada bingkai agar motif khas dapat digambar di atasnya dengan menggunakan canting (pena), berus, atau dituang dengan lilin. Canting tembaga yang diisi dengan lilin panas dan cair digunakan untuk mengaplikasikan lilin panas ke kain putih dalam garis halus untuk menciptakan garis atau corak. Pewarna diterapkan ke kain dengan berus, yang memerlukan sepenuh perhatian dan kepakaran. Biasanya, warna latar belakang diterapkan terlebih dahulu. Sementara itu, teknik percetakan blok atau terap dengan menggunakan blok logam, tembaga, atau kayu digunakan untuk menghasilkan batik percetakan blok. Blok batik biasanya dibuat dari tembaga atau loyang kerana cirinya yang menyerap haba dan boleh digunakan untuk mencetak lilin panas pada kain.

Evolusi motif corak di Malaysia umumnya disesuaikan dengan permintaan masa kini. Namun, unsur corak tradisional tetap mempertahankan keunikan mereka kerana setiap motif memiliki makna dan elemen tersendiri. Motif desain yang paling popular yang digunakan oleh masyarakat adalah motif daun dan bunga. Terdapat juga motif fauna, tetapi jarang dihasilkan kerana Islam melarang penggunaan gambar haiwan dalam unsur corak, terutama pada pakaian. Namun, motif yang diadaptasi dari tema kupu-kupu diterima oleh masyarakat. Motif, corak, bentuk, dan fungsi tekstil mempengaruhi kepada keindahan dan keunikan mereka. Motif tidak hanya menghasilkan seni visual yang indah, tetapi juga menekankan pentingnya corak. Dalam beberapa tekstil, motif berfungsi sebagai pengenalan, simbol, dan mesej dari pelukis batik itu sendiri.

## **2. Kajian Rekabentuk Blok Batik**

Penghasilan blok batik daripada bahan alternatif mempunyai potensi yang besar untuk diperluaskan dengan tujuan membantu menghidupkan kembali kehebatan warisan negara ini agar sejajar dengan kemajuan teknologi masa kini. Ini adalah penting kerana industri blok batik di Malaysia semakin merudum disebabkan kekurangan tukang yang mahir dalam teknik pembuatan blok, terutamanya blok logam. Fakta ini dapat dibuktikan di Kelantan di mana hanya terdapat tiga orang tukang yang mahir dalam pembuatan blok batik. Oleh itu, inovasi penghasilan blok batik daripada bahan akrilik boleh dijadikan sebagai alternatif untuk memperkayakan teknik batik yang telah diwarisi secara turun-temurun oleh nenek moyang kita selama berabad lamanya. Hal ini semakin rumit apabila corak blok batik yang ditempah oleh pengusaha batik cukup rumit dan memerlukan masa yang lama untuk disiapkan. Oleh itu, blok batik akrilik ini dapat menjadi alternatif bagi pengusaha batik untuk mempercepatkan proses tempahan blok batik kerana proses pembuatannya yang cepat dengan bantuan teknologi mesin. Secara tidak langsung, ini dapat meringankan beban para pembuat blok kerana proses pembuatan blok batik tradisional yang dilakukan secara manual memerlukan lebih ramai tukang kayu yang tinggi dalam proses pembuatannya. Penggunaan bahan-bahan logam seperti tembaga, zink, dan besi dalam pembuatan blok batik memerlukan individu yang mahir dalam mengendalikan bahan-bahan tersebut. Seni pembuatan batik dan seni pembuatan blok adalah dua bidang yang sangat berbeza dan memerlukan kemahiran dalam bidang yang berbeza.

### **3. Strategi Pemasaran dan Tahap Perbezaan Jualan dan Keuntungan Prestasi SME Batik di Malaysia**

Kajian ini membincangkan hubungan antara pengiklanan dengan prestasi PKS batik di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan kekerapan pengiklanan antara PKS batik berprestasi tinggi dan rendah, namun perbezaan ini hanya nyata apabila mengukur prestasi jualan, bukannya prestasi keuntungan. Ini menunjukkan bahawa prestasi jualan tinggi memberi lebih perhatian kepada pengiklanan berbanding dengan prestasi jualan rendah. Keputusan ini sejajar dengan idea yang dikemukakan oleh Lincoln dan Naumann (1986), yang menekankan peranan kritikal pengiklanan dalam kejayaan atau kegagalan banyak perniagaan kecil.

Berdasarkan keputusan keseluruhan, kajian menunjukkan bahawa pengiklanan adalah perbelanjaan yang diperlukan yang mungkin tidak serta-merta menyumbang kepada pulangan perakaunan tetapi berpotensi menambah nilai kepada firma pada masa hadapan. Oleh itu, walaupun pengiklanan mungkin tidak memberi kesan langsung kepada keuntungan, adalah penting bagi kelangsungan jangka panjang PKS batik berprestasi rendah untuk melabur dalam mengiklankan produk atau perniagaan mereka.

# **TRANSKRIP TEMUBUAL**

## **TRANSKRIP TEMUBUAL**

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang batik blok. Bersama kami ialah Puan Zainun Binti Abd Rahman yang merupakan seorang pengurus Butik Ayu Fashion dan juga pelukis batik di Tumpat, Kelantan. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 21.6.2023 bersamaan dengan hari Rabu pada pukul 10.00 pagi bertempat di pejabat Ayu Fashion. Temubual ini dikendalikan oleh Nuralisha Nasir dan Aina Sorfina Mat Sanusi. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

Petunjuk:

PZ: Puan Zainun

NN: Nuralisha Nasir

AS: Aina Sorfina

### **A. LATAR BELAKANG TOKOH**

**NN: Apakah nama penuh puan?**

PZ: Nama makcik Zainun binti Abdul Rahman.

**NN: Dimanakah puan dilahirkan?**

PZ: Makcik dilahirkan dekat Tumpat [Kelantan].

**NN: Adakah puan pernah menetap di tempat lain?**

PZ: Tidak pernah.

**NN: Adakah ini rumah asal puan?**

PZ: Ha yang ni [ini] rumah asal lagi *lah*.

**NN: Berapakah usia puan pada tahun ini?**

PZ: Umur sekarang dah [sudah] nak masuk 60.

**NN: Apakah cita-cita puan semasa kecil?**

PZ: Dulu kecil cita-cita (ketawa) nak jadi cikgu tapi dah [sudah] tak [tidak] berkemampuan dah [sudah] belajar tu [itu] tak [tidak] pandai (ketawa).

**NN: Siapakah nama bapa puan?**

PZ: Bapa makcik Abdul Rahman bin Awang.

**NN: Kemudian, siapakah nama ibu puan?**

PZ: Ibu makcik Cik Yah@Cik Bidah bt Cik Wan.

**NN: Apakah pekerjaan bapa puan?**

PZ: Dia seorang guru quran [guru yang mengajar Al-Quran].

**NN: Apakah pekerjaan ibu puan pula?**

PZ: Ibu tu [itu] suri rumah je [sahaja] *lah* (ketawa) biasa *lah* orang zaman dulu *kan*  
hanya tanam sayur gitu [begitu].

**NN: Berapakah bilangan adik-beradik puan?**

PZ: Maccik ada dalam lima beradik.

**NN: Puan merupakan anak yang ke berapa?**

PZ: Anak sulung.

**NN: Apakah keluarga puan ceburi?**

PZ: Macam keluarga maccik ni [ini] semua niaga [berniaga] tapi tidak niaga [berniaga] batik, ada meniaga [berniaga] kedai runcit, ada yang buka kedai jual nasi, ada yang menjual dekat pasar niaga [berniaga] beras, dekat pasar Kota Baharu, kat [dekat] pasar Tumpat [Kelantan]. Keluarga *lah* dulu-dulu *lah* tok-tok [datuk] dulu *lah*, mottok [nenek] pastu [selepas itu] macam tok [datuk] maccik tu [itu] ada kilang laksa, macam kita ni [ini] serupa jag-- niaga [meniaga] *lah* kita kerja pejabat takde [tidak ada] *lah*.



**NN: Pada tahun bilakah puan berkeluarga?**

PZ: Tahun '79 [1979].

**NN: Apakah nama suami puan?**

PZ: Mahadi@Ibrahim b. Deraman.

**NN: Berapakah umur suami sekarang, adakah sebaya dengan puan?**

PZ: 65 tahun.

**NN: Apakah pekerjaan suami puan?**

PZ: Hanya buat batik tu [itu] *lah* kilang batik ada (ketawa) buat batik sendiri *lah*.

**NN: Berapa orang anak puan?**

PZ: Anak lapan orang.

**NN: Apakah jantina anak puan?**

PZ: Anak makcik lima perempuan tiga lelaki.

**NN: Berapakah umur anak-anak puan?**

PZ: Yang sulung tu [itu] lahir tahun '80 [1980].

**NN: Apakah pekerjaan anak-anak puan?**

PZ: Anak makcik kerja penolong pegawai belia, yang nombor dua kerja di AADK [Agensi Antidadah Kebangsaan] Dang Wangi dekat Kuala Lumpur, yang nombor tiga kerja jaga kedai Ayu Fashion juga di Kota Baharu, pastu [selepas itu] yang nombor empat niaga-niaga [berniaga] ni [ini] dekat sini [Kelantan] tapi ikut suami tukar kerja pejabat kat [dekat] Kuala Lumpur, nombor lima cikgu kat [dekat] Kuala Lumpur. Cikgu pendidikan fiqh dia ngaji [belajar] di Maktab Raja Melewar, Negeri Sembilan, yang nombor enam tadi jaga kilang, yang nombor tujuh duk [menetap] kerja kat Perak.

**NN: Apakah aktiviti puan sekeluarga?**

PZ: Waktu sekarang, macam anak-anak makcik yang Adil dengan Afzam jaga kilang, makcik untuk jaga tetamu mari jah [sahaja] *lah* buat kerja, start [mula] bangun pagi pakcik pergi masjid, balik masjid pakcik baca quran [Al-Quran], sudah baca quran [Al-Quran] pakcik baru turun ke dalam kilang kira pukul 8.30 pagi.

**NN: Adakah puan mempunyai sebarang petua semasa mendidik anak?**

PZ: Macam tu [itu] *lah* kita orang kampung *kan* kira mendidik budak-budak ni [ini] kita ikut, kita orang susah dulu apa yang-- sampai waktu nak gi [pergi] sekolah balik tu [itu] kita sedia belajar quran [Al-Quran] ke apa macam tu *lah* [itu lah] didik orang kampung.

**TAMAT BAHAGIAN A**

## **B. LATAR BELAKANG PENDIDIKAN**

**AS: Bolehkah puan ceritakan latar belakang pendidikan awal dan nama sekolah rendah puan?**

PZ: Macam makcik dulu sekolah sampai tingkatan tiga. Pastu [Selepas itu] makcik ngaji [belajar] sekolah swasta sekejap.

**AS: Apakah nama sekolah rendah puan?**

PZ: Sekolah Rendah Chabang Empat.

**AS: Seterusnya, apakah nama sekolah menengah puan?**

PZ: Kalau Sekolah Menengah Chabang Empat. Makcik ngaji [belajar] swasta dulu Sekolah Zuha dekat nak mari Kota Baharu ada masuk kat [dekat] ni [sini].

**AS: Apakah subjek yang diminati oleh puan ketika berada di bangku sekolah?**

PZ: Makcik dulu minat subjek sejarah.

**NN: Berapakah orang guru kegemaran puan ketika di sekolah?**

PZ: Ha cikgu kegemaran makcik ada tiga tapi dah [sudah] meninggal.

**NN: Apakah subjek yang diajar oleh guru kegemaran puan?**

PZ: [Bunyi kenderaan] hok [yang] tu [itu] dia ajar sejarah, seorang lagi ajar matematik, seorang lagi ajar agama islam. Cikgu perempuan satu, lelaki dua tapi dia bagus dengan budak-budak.

**AS: Adakah puan aktif ketika di sekolah?**

**PZ:** Maccik aktif sukan. Maccik suka lumba lari, main bola jaring dulu.

**AS: Adakah puan ada memegang apa-apa jawatan sewaktu di sekolah?**

**PZ:** Takde [tidak ada].

**AS: Apakah pengalaman puan tidak dapat lupakan semasa sekolah?**

**PZ:** Masa sekolah dulu macam ni *lah* [ini lah] maccik ada satu kali tu [itu] maccik pergi ni *lah* [ini lah] naik basikal, [bunyi kenderaan] selalu orang tu [itu] hantar, satu hari tu [itu] dah [sudah] member-member [rakan-rakan] naik basikal, maccik pun naik basikal *lah*. Sampai di Sekolah Chabang Empat maccik tepuh [rempuh] belakang lori tu [itu] (ketawa). Sekarang ni [ini] pun kalau kita tengok lori pun kita jadi takut sebab lori parking [tempat letak kenderaan] kita gi [pergi] tepuh [rempuh] dia (ketawa).

**TAMAT BAHAGIAN B**

## C. KERJAYA

### C1: Awal

**NN: Adakah puan pernah pernah bekerja separuh masa ketika belajar?**

PZ: Takde [tidak ada].

**NN: Apakah rutin puan ketika menjadi seorang ibu dan sebagai pengurus Ayu Fashion?**

PZ: Dulu kita tinggal budak-budak ke mak kita, dulu makcik waktu pagi lepas budak pergi sekolah makcik niaga [berniaga] ke Kota Baharu dari Tumpat. Dulu kita buka pukul 9 pagi, pukul 10 malam baru tutup kedai Kota Baharu, pukul 11 baru sampai kat [dekat] rumah.

### C2: Pelukis Batik

**NN: Bagaimanakah puan mendapatkan pengetahuan dalam bidang seni batik?**

PZ: Dapat dari suami.

**NN: Bagaimanakah suami puan mendapat pengetahuan mengenai lukis batik blok?**

PZ: Pakcik buat batik umur 15 tahun lagi sebab tak [tidak] dapat pergi sekolah kat [dekat] mana-mana gitu [begitu]. Kita orang susah *kan*, pakcik tu [itu] dia tak [tidak] boleh nak sambung belajar, dia buat batik. Buat batik ni [ini] *lah* macam dengan sedara-sedaralah [saudara-mara], kerja-kerja dengan sedara [saudara-mara] sementara tu [itu] boleh balik buat kat [dekat] rumah sikit-sikit sendiri *kan*. Ha macam tu *lah*.

**NN: Berapa banyak batik blok yang dapat dihasilkan dalam masa sehari?**

PZ: Dia macam ni [ini] kalau mewarna ni [ini] kita tengok warna tu [itu] simple [mudah] siap *lah* dua, tiga helai sehari. Warna tu [itu] eksklusif kita nak campur lagi, kain sepasang semeter pun tak [tidak] siap sehari. Kalau hok [nak] biasa ni [ini] tiga, empat helai siap sorang [seorang] sehari.

**NN: Selain daripada batik blok, adakah Ayu Fashion mempunyai teknik lain?**

PZ: Canting ada.

**NN: Adakah senang mendapatkan bahan untuk membuat batik?**

PZ: [Bunyi kenderaan] Macam colour [warna] tu [itu] pergi kat Kota Baharu *lah* jual. Blok kena tempah blok takdo [tidak ada] orang jual kat [dekat] kedai.

**NN: Apakah cabaran puan ketika membuat batik blok?**

PZ: Eh cabaran banyak anak. Buat-buat kerja ni [ini], buat kerja apa pun cabaran mesti banyak macam cabaran barang rosak, pekerja lagi.

### **C3: Bidang Batik Blok**

**NN: Berapa lama puan menceburi bidang batik ini?**

PZ: Macam kat [dekat] Kampung Talak ni [ini] dah [sudah] batik makcik ni [ini] dah [sudah] masuk 42 tahun dah [sudah].

**NN: Bagaimanakah puan boleh berminat untuk menceburi bidang batik ini?**

PZ: Pakcik ni [ini] dulu masa dia kat [dekat] sekolah dia melukis di dinding sekolah.

Macam cikgu suruh lukis untuk gambar, untuk dinding, lukis itu, lukis pemandangan, lukis buah-buah ke apa di sekolah.

**NN: Adakah adik-beradik puan menceburi dalam bidang yang sama?**

PZ: Tak [tidak] ada, makcik je [sahaja]. Yang lain ada kilang laksa, buat laksa, buat laksam lepastu yang [bunyi kenderaan] yang kerja pejabat.

**NN: Adakah anak puan meminati bidang yang sama?**

PZ: Ya.

**NN: Apakah aktiviti semasa anak-anak puan yang meminati bidang batik ini?**

PZ: Adil dengan Afzam yang dua orang tu [itu] bahagian kilang, kalau yang Ayu dan Aziah pun batik. [Bunyi kenderaan] Aziah jaga kedai Kota Baharu, Ayu ni [ini] akan pergi mana-mana negara yang akan jemput Ayu Fashion datang seperti Brunei.

**NN: Bagi mereka yang baru ingin berkecimpung dalam bidang ini, apakah latihan yang perlu dilakukan?**

PZ: Dia kena pergi kursus *lah*. Mesti *lah* kena kursus tak [tidak] munasabah nak buat macam mana tak [tidak] tahu *kan*.

**NN: Adakah puan mempunyai tempat khas untuk menghasilkan batik blok?**

PZ: Ada. Tapi kraftangan jaganya hanya kita ni [ini] kilang je [sahaja] *lah* dia guna sebab kilang kita ni [ini] boleh nak mengatur kawasan tu [itu], ada tempat budak nak buat. Tapi kraftangan *lah* ajar, tidak pakcik ajar tapi banyaknya guna blok kita *lah* sebab blok kita banyak. [Bunyi kenderaan] makna kalau bawa orang kursus tu [itu] pun tak [tidak] kena tempah blok lain untuk kursus. Dia boleh ambil guna dulu blok yang dalam kilang. Lepastu [selepas itu], biasa buat kursus ada 4000 lebih le [sekarang] ni [ini] ada 6000 lebih dah blok. Hok [yang] tu [itu] yang biasa suka walau Jepun, Korea semua mari.

**NN: Berapakah bilangan blok yang ada di kilang puan?**

PZ: Blok makcik dalam kilang ada 6000 lebih yang tu [itu] sebab orang mari.

**NN: Apakah keistimewaan bidang ini bagi puan?**

PZ: Sebab benda ni [ini] kita nak buat sesuatu dia ni [ini] kita kena berfikiran apa yang kita suka di hati kita ha kita rasa “eh batik ni [ini] kelainan *lah* dia [bunyi kenderaan] tak [tidak] akan sama kain orang pakai dengan kain biasa”. Batik ni [ini] dia kalau orang pakai eksklusif kalau benda tu [itu] orang tiru batik buat design [reka bentuk] macam batik tapi kain biasa takdo [tidak ada] nampak kesenian, nampak kekerasan. Batik ni [ini] kalau orang pakai tak [tidak] kira budak ke sampai ke orang peringkat umur tua pun kalau pakai batik ni [ini] nampak klasik, eksklusif.



**NN: Bagaimanakah cara jaga kain di Ayu Fashion?**

PZ: Makkik kalau kain makkik rebus tu [itu] kita tak [tidak] akan jemur selalu, jaganya kualiti. Pakcik kalau rebus dia akan rendam dalam macam telaga dekat situ (tunjuk arah). Dia rendam situ semalaman, kalau kain 100, 100 sekali dia rendam. Ni [ini] ha baru angkat rebus, ni [ini] baru lepas pada jemur, ni [ini] akan rendam tak [tidak] kira warna apa pun dia akan rendam sekali baru kita tahu kain kita betul tak ubat [bancuhan] kita ni [ini] berkualiti ke dok [tidak]. Kadang dia turun dia akan kena semua warna hok [yang] mana tu [itu], ni [ini] kain dalam kolah tu [itu] dalam 50 helai tu [itu] ha dia rendam sekali semua, lepas [selepas] dari kita rebus berbagai-bagai colour [warna]. Kalau benda tu [itu] turun kita rendam banyak-banyak dalam tu [itu] esok baru kita jemur balik dia akan melekat *lah*. Kalau hok [yang] merah akan melekat hok [yang] biru, hok [yang] kuning ke. Lagu [macam] tu [itu] *lah* kualiti kita jaganya. Benda susahnyanya kalau buat, benda kalau kita tak [tidak] jaga gitu [begitu], kita modal berapa dah [sudah] keuntungan tak [tidak] ada mana, modal besar.

**NN: Apakah aktiviti pekerja di Ayu Fashion lakukan di kilang?**

PZ: Pakcik aktiviti hari-hari duduk dalam kilang yang makna kata benda tu semua kita *handle* [urus] takdo [tidak ada] orang luar mari handle [urus] takde [tidak ada] *lah* kita pakai, hanya anak buah [pekerja] mari buat kerja benda yang kita *handle* [urus] siap dah [sudah], nak mari mewarna pun warna dah [sudah] siap, nak mari memblok pun lilin dah [sudah], siap hanya anak buah [pekerja] mari ambil benda tu [itu] untuk buat saja macam nak mewarna pun anak buah [pekerja] mari dah buat ubat [bancuhan] ni [ini] kita buat siap dah [sudah]. [Bunyi kenderaan] datang-datang ambil hari ni [ini] nak buat warna apa ha dia akan atur yang print ni [ini]

nak warna apa, budak-budak [pekerja] mari ambil ubat [bancuhan] letak dalam gelas untuk buat colour [warna] jah [sahaja]. Macam buat ubat semua pakcik atau anak makcik yang dua orang ni [ini] buat Afzam ataupun Adil.

#### **C4: Pengurus Butik Ayu Fashion**

**NN: Mengapakah nama butik ini diletakkan sebagai Butik Ayu Fashion?**

PZ: Sebab tertubuh Ayu Fashion tu [itu] makcik letak nama sebab Ayu ni [ini] makcik bawa [bawa] kecik lagi untuk niaga [meniaga].

**NN: Bilakah puan rancang untuk meletakkan nama Ayu Fashion sebagai syarikat puan?**

PZ: Masa niaga [berniaga] dulu, dulu pakcik buat batik kat [dekat] rumah. Jaga kedai Kota Baharu tu [itu] *lah* baru buat nama. Takdo [tidak ada] nama. Pastu [selepas itu] Ayu anak keempat yang lahir *kan* 60 hari makcik bawa gi [pergi] niaga “eh nanti kita buat nama syarikat kita batik Ayu *lah*” macam tu [itu] *lah*. Idea tu [itu] daripada tu [itu] *lah*. [Bunyi kenderaan] jadi nama Ayu saja *lah*.

**NN: Adakah nama butik dan kilang letak nama yang sama iaitu Ayu Fashion?**

PZ: Semua nama Ayu Fashion.

**NN: Berapakah bilangan pekerja yang ada di Ayu Fashion?**

PZ: Pekerja dalam kilang le [sekarang] ni [ini] lepas COVID ni [ini] ada enam orang. Tujuh sekali dengan budak kain ni *lah*. Ha tujuh.

**NN: Adakah pekerja Ayu Fashion dari kampung ini?**

PZ: Ya, orang-orang kampung *lah* pekerja.

**NN: Bagaimanakah puan bahagikan masa antara keluarga dan kerjaya?**

PZ: Macam kita ni [ini] duduk tempat kita buat kerja belakang, di sini kita duduk meniaga. Maknanya benda tu [itu] biasa time [semasa] masak kita pergi masak, time [semasa] waktu makan kita pergi makan sekali ha macam tu je [sahaja] *lah*. Kalau ada orang mari, kita mari *lah* layan orang *kan*.

**NN: Setelah berhempas pulas berkerja apakah benda yang pertama puan hadiahkan kepada diri?**

PZ: Maccik beli benda *lah* apa maccik nak gitu [begitu] *lah*.

**NN: Pernahkah puan menyertai pameran untuk mempromosikan batik blok puan?**

PZ: Biasa dah [sudah]. Baru ni [ini] anak maccik buat di hotel Putrajaya yang isteri menteri-menteri di seluruh negara mari tu [itu] dia gi [pergi] buat dekat situ selama seminggu sekali dengan anak raja Indonesia, Thailand, dan ada banyak negara mari. Permaisuri Agong *lah* buatnya kat [dekat] hotel Putrajaya. Situ tempat eksklusif *lah*.

**NN: Siapakah yang menyenaraikan Ayu Fashion di tempat promosi batik?**

PZ: Jadi kita tengok nama kita tersenarai jadi tak [tidak] tahulah siapa.

**NN: Bagaimanakah sambutan dari orang kampung?**

PZ: Dia bagus. Orang kampung selalu sanjung *lah* sebab *kan* macam kilang makcik ni [ini] dikatakan orang luar-luar negara tu [itu] akan sampai ke Kampung Talak ni [ini]. Rasa megah *lah* jadi kampung kita ni [ini]. Dengan daripada kerabat-kerabat diraja pun sampai daripada menteri-menteri semua pun sampai legasi-legasi luar negara sampai di Kampung Talak ni [ini].

**NN: Puan pernah dapat pelanggan dari luar negara?**

PZ: Biasa *lah*.

**NN: Pelanggan negara mana yang selalu kunjung ke Ayu Fashion?**

PZ: Dia banyak dari Perancis ada dari banyak *lah* tengok dalam buku makcik boleh tahu.

**NN: Boleh saya tahu selain negara tadi, ada atau tidak negara lain datang membeli di Ayu Fashion?**

PZ: Ada. Macam Indonesia pun ada mari dah [sudah] dulu. Masa dulu mari buat perjumpaan orang luar demo [mereka] mari kat [dekat] kilang, itu Jabatan Penerangan bawa mari. Thailand biasa, pensyarah daripada Thailand dikatakan semua mari sebab dia mari nak minta beli blok makcik.

**NN: Adakah puan mendapat ramai pelanggan?**

PZ: Ha biasa *lah*.

**NN: Apakah yang menyebabkan butik atau kilang Ayu Fashion ramai pelanggan datang?**

PZ: Datang untuk melawat nak tengok keadaan.

**NN: Adakah semasa COVID-19 berlaku Ayu Fashion beroperasi?**

PZ: Memang tak [tidak] boleh selama dua tahun setengah. Pakcik pergi jumpa balai polis tanya nak buat gini [begini] dia kata tak [tidak] boleh buka kalau buka tokey [tuan kilang] kena RM10000, anak buah [pekerja] kena RM1500 masa dalam COVID dulu. Kita takdo [tidak ada] pekerjaan lain kita tiap-tiap pagi tu [itu] duduk dalam kilang *kan*.

**NN: Semasa COVID-19 melanda, apakah aktiviti makcik?**

PZ: Dah [sudah] tak [tidak] boleh buat apa *kan*, yang kedai semua tak [tidak] boleh buka ha musim COVID yang pakcik pun fikir-fikir nak beli lembu *lah*.

**NN: Apakah pengalaman manis yang Ayu Fashion dapat?**

PZ: [Bunyi kenderaan] pengalaman manis tu [itu] macam ni [ini] anak, sekarang ni [ini] biasa kilang Ayu Fashion lawatan berbagai-bagi tidak kira orang luar negara, dalam negari. Jadi yang orang mari kat [dekat] kilang kita ni [ini] orang berpangkat-pangkat, jadi kita pun rasa bangga, suka dengan rasa “eh keadaan kita kampung, kat [dekat] luar kat [dekat] Kota Baharu mana kilang banyak-banyak lagi, kilang lebih baik lagi. Benda tu [itu] tidak *lah* biasa-biasa orang mari kita kata serupa macam isteri-isteri raja mari pastu [selepas itu] menteri-menteri kalau buat program menteri pun dalam kilang kita.

**NN: Bagaimanakah keadaan butik Ayu Fashion sebelum ini?**

PZ: Kedai [bunyi kenderaan] makcik asalnya situ duk [dekat] tempat rehat depan  
PAKESO tu [itu]. Depan tu [itu] dulu semua kedai, makcik asal jual batik situ  
dulunya.

**TAMAT BAHAGIAN C**

#### **D. SUMBANGAN**

**NN: Apakah sumbangan puan kepada Butik Ayu Fashion itu sendiri?**

PZ: Biasa dulu masa kraftangan dulu pernah Batik Ayu Fashion ni pernah kraftangan Malaysia tu bawa ke London ha bawa pergi jual dekat sana. Kalau Singapura tu biasa dah [sudah] bawa gi [pergi] jual.

**NN: Apakah sumbangan puan kepada masyarakat setempat?**

PZ: Makcik tu [itu]-- [bunyi kenderaan] hok [yang] tu [itu] kalau orang panggil orang tak boleh cakap ada *lah* makcik bagi *lah* apa yang makcik rasa berpadanan dengan makcik bagi *lah* tak [tidak] kira *lah* ke masyarakat, masjid ke, anak yatim ke hok [yang] tu [itu] makcik ada *lah*.

**NN: Berapakah anugerah yang puan perolehi sepanjang Butik Ayu Fashion beroperasi?**

PZ: Makcik ni [ini] dapat dua anugerah dah [sudah].

**NN: Pada tahun berapakah anugerah itu diberikan?**

PZ: Yang ni [ini] ha Anugerah Hari Guru 2019, Tukang Ulung rasanya 2015.

**NN: Apakah pencapaian yang paling bermakna bagi Ayu Fashion?**

PZ: Ayu fashion ni [ini] dulu hok [yang] kraftangan Kelantan buat baju kot boleh nombor satu. Ni [ini] ha ada anugerah tahun 2015, ni [ini] ha Sijil Pemenang Fashion buat baju kot dan batik ni [ini] *lah* ha.

**NN: Apakah perasaan puan apabila menerima anugerah tersebut?**

PZ: Masa terima anugerah tu [itu] rasa berbesar hati *lah*.

**TAMAT BAHAGIAN D**



## E. HARAPAN

**NN: Adakah pencapaian lain yang ingin puan kecapai?**

PZ: Ha kalau boleh *lah*, kalau boleh nak ada pencapaian lebih lagi *lah* memberangsangkan lagi *lah* tapi bagi yang ni [ini] pun makcik dah bersyukur kepada tuhan disebabkan anak makcik ni [ini] boleh mengikuti jejak makcik dengan ayah dia *kan*. Yang ni [ini] pun kita bersyukur sangat-sangat dah. Makna kata dengan pemberian tuhan kepada kita *kan* sebab anak kita boleh ikut jejak kita juga *kan* boleh niaga [meniaga].

**NN: Apakah harapan puan kepada generasi muda akan datang?**

PZ: Kalau boleh generasi muda nak masuk bidang batik dia kena kursus. Nak buka untuk membuat batik sendiri dia kena kursus lama dulu dengan jabatan atau pun pergi kilang-kilang tengok keadaan, cara pembuatan orang tu [itu] macam mana. Kita tak [tidak] boleh (tidak jelas) reka-reka sendiri. Zaman dulu lain fikiran dia, zaman sekarang dia fikir yang moden. Dia kena betul-betul pergi tengok apa yang orang buat.

**NN: Apakah pandangan puan mengenai bidang seni ini, haruskah dikekalkan ke generasi seterusnya?**

PZ: Bagi makcik *lah* kalau budak-budak baru lepas universiti ke, tak bekerja lagi tu [itu] boleh *lah* berkecimpung dalam seni batik untuk kita kata selain pada kita buat benda-benda mengkhayalkan [melalaikan] ke kita tak [tidak] boleh *lah*. Kalau boleh masuk *lah* menceburi bidang batik, buat *lah* batik blok ke, buat *lah* batik canting itu pun sama jah [sahaja]. Tapi benda tu [itu] kita nak kepuasan hati kita jangan buat sama dengan orang. Benda tu [itu] kita buat sepuas hati, benda tu [itu] kita buat tak [tidak] akan sama dengan orang. Ha benda tu [itu] jadi klasik orang kata okay. Batik tu [itu] kita

buat berlainan pada orang lain, kita fikir benda di kepala kita, “aku tengok benda ni [ini] puas hati dengan lukisan aku gini [begini] dengan blok aku ni [ini] halus, orang tak [tidak] kata aku buat design blok, orang tak [tidak] kata aku buat dengan mesin tapi orang kata benda ni [ini] kreatif dengan tangan”. Bagi makcik batik makcik berbangga sangat-sangat. Serupa anak muda pun buat benda kena ada rasa jati diri tu [itu] “yang aku buat tu [itu] nak jadi panduan untuk orang ramai”.

**NN: Pada pendapat puan mengapakah penting untuk kita kekalkan bidang ini?**

PZ: Dia kena kekal sampai bila-bila tak [tidak] kira generasi mana pun batik ni [ini] tak [tidak] akan pupus. Dia tak [tidak] boleh pupus seni batik ni [ini] walau macam mana pun, legasi mana-mana pun kena ikut sampai bila-bila [bunyi kenderaan] sampai akhir zaman.

**NN: Apakah penambahbaikan yang puan harap sangat dapat dipertimbangkan?**

PZ: Kalau boleh permintaan makcik kalau ada sebab Ayu Fashion ni [ini] ada lawatan banyak, kementerian banyak daripada istana-istana kalau boleh makcik kata penambahan dari kerajaan. [Bunyi kenderaan] paling dinanti-nantikan oleh makcik sebab makcik pun kita kata untuk bagi ke generasi anak-anak untuk jaga balik kilang batik kalau makcik tak [tidak] ada. Biasa macam makcik tak [tidak] ada pun makcik harap macam kilang batik makcik ni [ini] akan jadi apa-apa.

**NN: Pada pendapat puan adakah batik blok patut dikekalkan?**

PZ: Sebab seni ni warisan kita, kena kekal sampai bila-bila.

**NN: Apakah harapan puan pada masa hadapan dalam bidang ini?**

PZ: Harapan makcik benda ni [ini] tak [tidak] akan jadi pupus dalam bidang seni tak [tidak] kira *lah* walau di sekolah, mana-mana institusi pun benda ni [ini] bagi makcik nak lebih, lebih tinggi dari yang ada musim sekarang ni [ini]. Macam budak-budak yang baru tu [itu] boleh *lah* mengikuti bidang seni ni [ini] sebab benda ni [ini] menjana pendapatan. Kalau budak-budak tu [itu] aktif betul-betul boleh jana pendapatan.

## TAMAT BAHAGIAN E

### Penutup

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Puan Zainun Binti Abd Rahman sepanjang berkhidmat sebagai ialah Puan Zainun Binti Abd Rahman yang merupakan seorang pengurus Butik Ayu Fashion dan juga pelukis batik di Tumpat, Kelantan. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang batik blok kepada para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

# **LOG WAWANCARA**

## LOG WAWANCARA

Nuralisha Binti Nasir dan Aina Sorfina Binti Mat Sanusi telah menemubual Puan Zainun Binti Abdul Rahman yang merupakan seorang pengurus Butik Ayu Fashion di Tumpat, Kelantan. Beliau dilahirkan pada 1963 dan menetap di Tumpat, Kelantan. Beliau berumur 60 tahun masih menguruskan Ayu Fashion dan melukis bati sejak sekolah rendah lagi. Temubual ini dijalankan pada 21.6.2023 bersamaan dengan hari Rabu pada pukul 10.00 pagi bertempat di pejabat Ayu Fashion.

### BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
0.38	Bercakap mengenai nama dan usia beliau	<ul style="list-style-type: none"><li>• Zainun Binti Abdul Rahman</li><li>• 60 tahun</li></ul>
2.48	Bercakap mengenai tempat dibesarkan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tumpat, Kelantan</li></ul>
4.11	Bercakap mengenai nama dan pekerjaan bapa beliau	<ul style="list-style-type: none"><li>• Nama: Abdul Rahman bin Awang</li><li>• Pekerjaan: Guru yang mengajar Al-Quran.</li></ul>
4.32	Bercakap nama dan mengenai pekerjaan ibu beliau	<ul style="list-style-type: none"><li>• Nama: Cik Yah@Cik Bidah bt Cik Wan</li><li>• Pekerjaan: Suri Rumah</li></ul>
4.45	Bercakap mengenai adik-berdik beliau	<ul style="list-style-type: none"><li>• 5 orang adik-beradik</li></ul>
5.35	Bercakap mengenai nama dan usia suami beliau	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mahadi@Ibrahim b. Daraman</li><li>• 65 tahun</li></ul>
5.49	Bercakap mengenai pekerjaan suami beliau	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pelukis batik</li></ul>
5.57	Bercakap mengenai bilangan anak beliau yang ada	<ul style="list-style-type: none"><li>• 8 orang</li></ul>

6.12	Bercakap mengenai anak beliau	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anak yang ketiga mengusahakan kedai Ayu Fashion di Kota Baharu, Kelantan</li> <li>• Anak yang keenam menjaga kilang Ayu Fashion</li> </ul>
------	-------------------------------	---

## BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
8.12	Menceritakan tentang pendidikan awal beliau	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hanya bersekolah sehingga tingkatan 3</li> <li>• Bersekolah di Sekolah Chabag Empat</li> </ul>
9.29	Menceritakan tentang subjek yang diminati oleh dan sukan yang diceburi oleh beliau	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sejarah</li> <li>• Lumba lari dan bola jaring</li> </ul>

## BAHAGIAN 3: KERJAYA

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
1.19	Menerangkan jenis kain yang disediakan oleh Ayu Fashion	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kain yang disediakan oleh Ayu Fashion sutera, cotton, crepe jacob dan fuji</li> </ul>
1.29	Menceritakan sudah berapa lama Ayu Fashion dibuka	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 42 tahun</li> </ul>
1.38	Menerangkan sejak bila suami beliau berkecimpung dalam bidang batik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 15 tahun</li> <li>• Belajar dengan saudaramara</li> </ul>

4.09	Menerangkan prosedur sebelum bekerja di kilang Ayu Fashion sebagai pembuat batik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Puan Zainun memerlukan pekerja yang sudah mengikuti kursus dalam bidang batik</li> </ul>
9.46	Menerangkan bilangan pekerja di Ayu Fashion	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 7 orang</li> </ul>
10.07	Menerangkan waktu yang sesuai membuat batik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak boleh awal, bermula pada pukul 9 atau 10 pagi mengikut cuaca</li> <li>• Digalakkan membuat pada cuaca panas</li> </ul>
13.19	Menerangkan proses pengulangan batik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Proses pengulangan dilakukan berkali-kali dengan jemur selapis dan diulang jemuran sebanyak 4 kali</li> <li>• Bergantung jenis corak yang diminta oleh pelanggan</li> </ul>
13.50	Menerangkan pelanggan yang pernah datang membeli batik dari Ayu Fashion	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelanggan yang pernah membeli dari Ayu Fashion adalah dari Perancis, Indonesia, Thailand, dan Brunei</li> </ul>
15.55	Menceritakan bagaimana nama syarikat ditubuhkan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Idea nama syarikat datang apabila Puan Zainun sering membawa anak keempatnya berniaga sejak bayi lagi</li> </ul>

16.10	Menceritakan mengenai tempat untuk mengajar membuat batik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kilang Ayu Fashion kebiasaanya akan dijadikan tempat sebagai untuk pelajar untuk belajar cara mengasilkan batik</li> <li>• Kraftangan Malaysia telah memilih kilang Ayu Fashion sebagai tempat belajar</li> </ul>
16.55	Menerangkan berapa banyak yang boleh dihasilkan sehari	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sehari boleh disiapkan dalam 4 pasang sehari bergantung kepada corak</li> <li>• Semakin rumit corak semakin lama untuk disiapkan kerana menggunakan tangan</li> </ul>
17.48	Menerangkan Ayu Fashion menerima tempahan sebanyak mana dan berapa lama	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kebiasaan Ayu Fashion akan mengambil tempahan sebanyak 600 pasang kain</li> <li>• Ayu Fashion akan mengambil tempahan awal sahaja sekiranya tempahan banyak</li> </ul>
23.14	Menceritakan apa yang pekerja Ayu Fashion lakukan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pekerja hanya menghasilkan idea mereka sendiri melalui blok yang dediaikan</li> </ul>
23.36	Menarangkan bagaimana blok batik didapati	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Blok batik kan ditempah khas dari kilang di Kota Baharu</li> </ul>



25.18	Menerangkan cara penjagaan batik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kain akan direndam semalaman, kemudian direbuskan, akhir sekali kain diangkat dan boleh dijual</li> </ul>
27.08	Menerangkan mempunyai Teknik lain selain blok	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ayu Fashion juga mempunyai Teknik canting di atas kain</li> </ul>
28.26	Menerangkan Ayu Fashion sering mengikuti program yang dianjurkan tidak kira dalam atau luar negara	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ayu Fashion sering mendapat jemputan program terutama dari jabatan kraftangan, di samping itu Ayu Fashion juga mendapat jemputan daripada Istana Negara dibawah Permaisuri Agong bersama agensi luar negara</li> </ul>
30.57	Menerangkan keistimewaan batik Ayu Fashion bagi beliau	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ayu Fashion mempunyai cara tersensiri dan identity tersendiri sehingga membuatkan Puan Zainun berasa bangga atas hasilnya</li> </ul>
32.22	Menceritakan cabaran batik yang dihadapi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ayu Fashion sering menghadapi cabaran seperti kerugian, barang rosak atau pun pekerja yang culas</li> </ul>
33.35	Menerangkan mengenai pekerja Ayu Fashion	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ayu Fashion membuka peluang pekerjaan</li> </ul>

		terutama kepada penduduk kampung Tumpat, Kelantan
37.24	Menerangkan bagaimana suami beliau meminati membuat batik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Suami Puan Zainun suka melukis sejak dari kecil bermula dengan melukis gambar apabila diminta gurunya</li> </ul>
43.18	Menerangkan penjagaan kebersihan kilang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Puan Zainun dan suaminya akan memastikan tiada selut atau kotorn lain berada di atas lantai</li> </ul>
44.02	Menerangkan berapa blok yang ada di Ayu Fashion	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 6000 lebih blok</li> </ul>

#### BAHAGIAN 4: SUMBANGAN

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
1.02	Menceritakan anugerah yang beliau dapat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ayu Fashion pernah meraih 2 anugerah</li> <li>• Mendapat pada tahun 2019 dan 2015</li> </ul>
31.53	Menerangkan sumbangan yang diberikan kepada Ayu Fashion	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Batik Ayu Fashion pernah dibawa ke London untuk dijual</li> </ul>
33.09	Menerangkan sumbangan Ayu Fashion kepada masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bersedekah kepada yang ebih memerlukan</li> </ul>
37.29	Menceritakan anugerah yang paling bermakana beliau dapat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat kot dengan batik dan menang tempat pertama pada tahun 2015</li> </ul>

38.18	Menceritakan perasaan Ketika beliau mendapat anugerah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Puan Zainun berasa sangat gembira</li> </ul>
-------	---	---

## BAHAGIAN 5: HARAPAN

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
27.09	Menceritakan pendapat mengenai batik digital dengan buatan sendiri	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Puan Zainun menyatakan batik digital lebih mudah dan tidak mempunyai identity sendiri berbanding batik yang menggunakan tangan</li> </ul>
34.05	Menceritakan penerimaan penduduk kampung beliau terhadap Ayu Fashion	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk kampung menerima Ayu Fashion dengna baik malah penduduk kampung juga teruja sekiranya orang besar datang ke kampung tersebut</li> </ul>
44.15	Menerangkan perkara yang ingin Ayu Fashion capai dan penambahbaikkan buat Ayu Fashion	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Puan Maznah berharap lebih banyak kerajaan dapat membantu Ayu Fashion kerana kos yang diperlukan agak mahal</li> <li>• Di samping itu, banyak lawatan yang diadakan di Ayu Fashion jadi ia juga perlukan kos</li> </ul>

47.11	Menyatakan nasihat kepada masyarakat untuk menghargai batik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Puan Zainun berharap supaya generasi muda tidak melupakan batik dan sekiranya berpeluang untuk mempelajari mengenai batik beliau berharap generasi muda dapat mempelajarinya</li> </ul>
50.01	Menyatakan mengenai bidang batik dan harapan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Puan Maznah mengharapkan batik dapat dikekalkan sampai bila-bila</li> </ul>
53.07	Menyatakan harapan untuk generasi muda	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Puan Maznah berharap generasi muda dapat mempelajari batik</li> </ul>

**RALAT**

## **RALAT**

Temubual Sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang seniman iaitu Puan Zainun Binti Abdul Rahman. Temubual ini dijalankan pada tarikh 21.6.2023 bersamaan dengan hari Rabu pada pukul 10.00 pagi bertempat di pejabat Ayu Fashion. Syukur ke hadrat Ilahi, sesi temubual ini berjalan dengan lancar seperti yang dirancangan. Walaubagaimanapun, terdapat gangguan yang tidak dapat dielakkan semasa temubual dijalankan. Antara gangguan yang berlaku ialah gangguan bunyi kenderaan, kerana Ayu Fashion terletak bersebelahan jalan besar. Seterusnya, kekerapan panggilan telefon yang diterima oleh Puan Zainun oleh pelanggannya. Namun begitu, secara keseluruhannya sesi temubual ini dapat dihabiskan dengan jayanya. Banyak ilmu dan nasihat yang diberikan oleh seniman yang sudah berkecimpung di dalam bidang seni batik selama lebih 40 tahun ini.

# **GLOSARI**

## GLOSARI

AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) merupakan sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Dalam Negeri yang menguruskan hal-hal berkaitan membanteras penyalahgunaan dadah di Malaysia.
Al-quran	Kitab suci yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad SAW untuk menjadi panduan hidup manusia (untuk dunia dan akhirat): membaca dan menghafaz.
Anugerah	Pemberian berupa hadiah dan sebagainya yang tinggi dan besar nilainya.
Bangsawan	Orang yang berbangsa atau dari keturunan mulia.
Batik	Kain yang bercorak, dilukis atau ditera dengan lilin dan dicelup.
Blok	Bongkah kayu, logam atau bahan lain yang mempunyai reka bentuk timbul terguris, atau terukir, digunakan untuk mencetak atau mengecap kulit buku dan lain-lain.
Butik	Kedai kecil yang biasanya menjual pakaian wanita yang terbaru fesyennya dan hiasan-hiasan badan wanita.
Canting	Alat daripada tembaga yang digunakan sebagai bekas lilin cair untuk melukis corak pada kain.
Eksklusif	Tempat, orang dan lain-lain yang bertaraf lebih tinggi.



Generasi	Sekalian orang yang hidup dalam masa yang lebih kurang sama dan mereka juga lebih kurang sebaya atau seumur.
Kilang	Bangunan atau kelompok bangunan yang dilengkapi jentera untuk memproses barang-barang.
Kraftangan	Kerja seni yang memerlukan kemahiran terutamanya kemahiran menggunakan tangan.
Pameran	Pertunjukan barang-barang untuk dijual.
Pasaran	Kawasan atau lingkungan tempat penjual dan pembeli berjual beli.
Promosi	Segala usaha dan kegiatan untuk menggalakkan atau meningkatkan jualan barang.
Wawancara	Soal jawab antara wartawan dan sebagainya dengan orang terkemuka dan lain-lain untuk mendapatkan keterangan, pandangan dan sebagainya untuk disiarkan.

# INDEKS

## INDEKS

- A*
- Al-Quran .....4, 6  
Anak.4, 5, 6, 10, 11, 13, 14, 15, 17, 19, 21,  
22, 38, 40  
Anugerah.....19, 20, 41  
Ayu Fashion .... i, iii, iv, xi, xiii, xiv, 2, 6, 9,  
10, 11, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 22, 23,  
27, 34, 40, 41
- B*
- Batik i, iii, iv, xiii, xiv, xvi, xvii, xviii, 2, 4,  
5, 9, 10, 11, 12, 14, 15, 18, 19, 21, 22,  
23, 27, 34, 39, 40  
Blok.. xvi, xvii, 2, 9, 10, 12, 15, 16, 21, 22,  
23, 34, 39, 40  
Butik..... xiii, 14, 17, 18, 40
- C*
- Cabaran ..... xiii, xiv, 10, 39  
COVID .....14, 17
- E*
- Eksklusif .....12, 15
- G*
- Generasi .....21, 22, 40, 41  
Guru .....4, 7
- K*
- Kampung.....6, 15, 16, 17  
Kilang4, 5, 6, 11, 12, 13, 14, 16, 17, 21, 22  
Kota Baharu .....4, 6, 7, 9, 10, 11, 14, 17  
Kraftangan ..... iii, 12, 19
- M*
- Masa.... i, xiv, xvi, xvii, xviii, 9, 10, 11, 15,  
17, 19, 23, 39, 40, 41  
Modal ..... 13, 40
- N*
- Nama..... iii, xi, 2, 3, 5, 7, 14, 15, 38, 40  
Negara..... iii, xiii, xvii, 11, 15, 16, 17, 40
- P*
- Pameran ..... xiii, 15, 40  
Pelanggan..... iii, xiii, 16, 17, 40, 41  
Pencapaian ..... 19, 21, 41
- S*
- Sekolah ..... 7, 8  
Seni... xiii, xiv, xvi, xvii, 9, 21, 22, 23, 27,  
39, 41  
Sumbangan .....xiii, xiv, 19, 23, 41
- T*
- Tahun ..... iii, 3, 5, 9, 10, 17, 19, 27, 38, 41
- Z*
- Zainun ..... i, iii, iv, xi, xiv, 2, 23, 27, 36

# **BIBLIOGRAFI**

## BIBLIOGRAFI

- Che Yaacob, M. N. M., Hapiz, H. Y., Hassan, H., & Ibrahim, Y. (2019). Kajian Rekabentuk Blok Batik Dari Bahan Akrilik Untuk Teknologi Pembuatan Batik Secara Digital Bagi Industri Batik di Malaysia. 1st International Conference on Creative Technology and Heritage 2019 (ICCTH). <http://discol.umk.edu.my/id/eprint/13463/>
- Hairuddin, H., Noor, N. L. M., & Malik, A. M. A. (2012). Why do Microenterprise Refuse to Use Information Technology: A Case of Batik Microenterprises in Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 57, 494–502. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.09.1216>
- Haron, N., Ramli, Z. B., & Rahman, N. H. S. N. A. (2015). Evolusi perkembangan blok batik di negeri Kelantan. ResearchGate. [https://www.researchgate.net/publication/305284073\\_Evolusi\\_perkembangan\\_blok\\_batik\\_di\\_negeri\\_Kelantan](https://www.researchgate.net/publication/305284073_Evolusi_perkembangan_blok_batik_di_negeri_Kelantan)
- Kamarudin, K. H., Untari, R., & Rashid, M. F. (2020). Sustaining Rural Livelihood Through Entrepreneurship and Creative Village Development: Malaysia and Indonesia Experience. *Scientific Papers Series Management, Economic Engineering in Agriculture and Rural Development*, 20(3). [https://www.researchgate.net/publication/344646628\\_SUSTAINING\\_RURAL\\_LIVELIHOOD\\_THROUGH\\_ENTREPRENEURSHIP\\_AND\\_CREATIVE\\_VILLAGE\\_DEVELOPMENT\\_MALAYSIA\\_AND\\_INDONESIA\\_EXPERIENCE](https://www.researchgate.net/publication/344646628_SUSTAINING_RURAL_LIVELIHOOD_THROUGH_ENTREPRENEURSHIP_AND_CREATIVE_VILLAGE_DEVELOPMENT_MALAYSIA_AND_INDONESIA_EXPERIENCE)
- Michelle, K. S. A., Ahadzadeh, A. S., & Amini, M. (2022). The impact of media exposure on fashion consciousness: A qualitative study. *Kasetsart Journal of Social Sciences*, 43. <https://so04.tci-thaijo.org/index.php/kjss/article/view/258505>
- Mokhtar, M. N., & Ismail, W. K. W. (2012). Marketing Strategies and the Difference Level of Sales and Profits Performance of the Batik SMEs in Malaysia. *International Journal of Business and Management*, 7(23). <https://doi.org/10.5539/ijbm.v7n23p96>
- Sakura, S. (2020, January 13). Ayu Fashion di Tumpat, Kelantan, Memiliki Lebih 5000 Blok Batik Cop. Sunah Sakura. <https://www.sunahsukasakura.com/2020/01/ayu-fashion-di-tumpat-kelantan-memiliki.html>
- The Journey to Revival: Thriving Revolutionary Batik Design and Its Potential in Contemporary Lifestyle and Fashion. (2017). *International Journal of History and Cultural Studies*, 3(1). <https://doi.org/10.20431/2454-7654.0301006>
- Wahed, W. J. E., Amin, H., Bohari, A. a. M., Pindah, C., & Azmi, S. (2022). Malaysian Batik, Our Pride: A Systematic Literature Review. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 12(10). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v12-i10/14950>
- Yaacob, M. H., Ismail, M., Zakaria, M. N., Zainol, F. A., & Zain, N. N. M. (2015). Environmental Awareness of Batik Entrepreneurs in Kelantan, Malaysia-An Early Insight. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 5(4). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v5-i4/1576>

# LAMPIRAN

## DIARI KAJIAN

TARIKH	MASA	TINDAKAN
20/3/2023	11.00 a.m. – 1.00 p.m.	<ul style="list-style-type: none"><li>- Pengenalan kepada Oral Documentation</li><li>- Tugas Projek diberikan oleh Pensyarah</li></ul>
27/3/2023	11.00 a.m. – 1.00 p.m.	<ul style="list-style-type: none"><li>- Projek dibincangkan bersama ahli kumpulan.</li></ul>
3/4/2023 – 10/4/2023	8 hari	<ul style="list-style-type: none"><li>- Mengkaji dan mengumpul maklumat mengenai Seniman yang dipilih.</li></ul>
17/4/2023 – 24/4/2023	8 hari	<ul style="list-style-type: none"><li>- Penyediaan 100 soalan temubual.</li></ul>
29/4/2023	1 hari	<ul style="list-style-type: none"><li>- Konsultasi senarai soalan bersama pensyarah</li></ul>
13/6/2023	1 hari	<ul style="list-style-type: none"><li>- Persetujuan tarikh untuk menemubual seniman.</li></ul>
21/6/2023	1 hari	<ul style="list-style-type: none"><li>- Sesi Temubual Bersama Seniman pilihan. (Puan Zainun Binti Abd Rahman)</li></ul>
29/7/2023	1 hari	<ul style="list-style-type: none"><li>- Penghantaran abstrak, proposal, diari kajian, persediaan awal, audio, video dan transkrip</li></ul>
31/8/2023	1 hari	<ul style="list-style-type: none"><li>- Penghantaran Transkrip yang lengkap. (Softcopy)</li></ul>
Akhir Ogos	1 hari	<ul style="list-style-type: none"><li>- Penghantaran Transkrip yang lengkap. (Hardcopy)</li></ul>

## SURAT PERJANJIAN



### UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya Zainun Binti Abdul Rahman K/P: \_\_\_\_\_ pada  
21 Jun 2023 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan  
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (nterviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll, sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

\_\_\_\_\_  
(Nama tokoh )  
Tarikh:

\_\_\_\_\_  
{Nama Pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah}  
b.p. Penolong Naib Canselor  
Pengajian Sains Maklumat  
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik  
dan Media  
Universiti Teknologi MARA (UITM)



## SENARAI SOALAN

### A. Latar Belakang Tokoh

1. Apakah nama penuh puan?
2. Apakah nama panggilan puan?
3. Dimanakah puan dilahirkan?
4. Dimanakah puan menetap sekarang?
5. Berapakah usia puan pada tahun ini?
6. Adakah puan mempunyai hobi?
7. Apakah cita-cita puan semasa kecil?
8. Siapakah nama ibu dan bapa puan?
9. Apakah pekerjaan ibu dan bapa puan?
10. Berapakah bilangan adik-beradik puan?
11. Puan merupakan anak yang ke berapa?
12. Berapakah usia perkahwinan puan sekarang?
13. Apakah nama suami puan?
14. Berapakah umur suami sekarang, adakah sebaya dengan puan?
15. Apakah pekerjaan suami puan?
16. Berapakah cahaya mata puan?
17. Berapakah umur anak-anak puan?
18. Apakah pekerjaan anak-anak puan?
19. Adakah anak masih tinggal bersama dengan puan dan dimanakah anak-anak puan menetap sekarang?
20. Adakah puan mempunyai sebarang petua semasa mendidik anak?

### B. Latar Belakang Pendidikan

21. Bolehkah puan ceritakan latar belakang pendidikan awal dan nama sekolah rendah puan?
22. Apakah nama sekolah menengah puan?
23. Apakah subjek yang diminati oleh puan ketika berada di bangku sekolah?
24. Semasa di sekolah apakah sukan yang puan minat?
25. Adakah puan aktif ketika di sekolah?
26. Adakah puan ada memegang apa-apa jawatan sewaktu di sekolah?

27. Apakah pengalaman puan tidak dapat lupakan semasa sekolah?
28. Selepas menamatkan zaman persekolahan, adakah puan melanjutkan pelajaran?
29. Adakah puan mempunyai sijil, diploma atau ijazah dalam bidang seni?
30. Apakah yang menyebabkan puan ingin mengikuti kursus tersebut?

### **C. KERJAYA**

#### *C1: Awal*

31. Adakah puan pernah bekerja separuh masa ketika belajar?
32. Selepas tamat belajar, apakah pekerjaan pertama puan?
33. Bagaimanakah puan mendapat pekerjaan tersebut?
34. Apakah cabaran puan ketika bekerja?
35. Boleh puan ceritakan pengalaman manis ketika bekerja?

#### *C2: Pelukis Batik*

36. Bagaimanakah puan mendapatkan pengetahuan dalam bidang seni batik?
37. Dimanakah Puan dapat inspirasi dalam bidang menghasilkan batik blok yang puan ceburi sekarang?
38. Berapakah hasil batik yang dihasilkan oleh puan?
39. Berapa banyak batik blok yang dapat dihasilkan dalam masa sehari?
40. Berapa lamakah batik blok ini dapat disiapkan?
41. Seni batik yang manakah amat bermakna buat puan?
42. Apakah teknik yang digunakan untuk menghasilkan batik blok ini?
43. Apakah alat yang digunakan untuk menghasilkan batik blok?
44. Boleh puan ceritakan tentang batik blok yang dibuat?
45. Bagaimana dengan harga bagi setiap batik blok yang dihasilkan oleh puan?
46. Berapakah harga seni batik blok paling mahal yang pernah dijual?
47. Boleh puan ceritakan tentang batik blok yang dibuat?
48. Berapakah jumlah pesanan terbanyak yang pernah diterima?
49. Berapa keuntungan yang boleh diperolehi dengan batik blok buatan puan?
50. Pernahkah puan cedera semasa proses pembuatan seni ini dilakukan?

#### *C3: Bidang Batik Blok*

51. Bagaimanakah puan boleh berminat untuk menceburi bidang batik ini?
52. Adakah adik-beradik puan menceburi dalam bidang yang sama?

53. Adakah anak puan meminati bidang yang sama?
54. Apakah persiapan puan dalam bidang ini?
55. Bagaimanakah puan meningkatkan kemahiran yang ada?
56. Bagi mereka yang baru ingin berkecimpung dalam bidang ini, apakah latihan yang perlu dilakukan?
57. Di manakah puan belajar untuk menambahkan kemahiran dalam bidang ini?
58. Apakah puan mempunyai pekerja untuk melakukan batik blok ini?
59. Adakah puan mempunyai tempat khas untuk menghasilkan batik blok?
60. Masih ada generasi muda yang ingin mempelajari pembuatan batik blok ini?
61. Berapakah pendapatan pertama puan dalam bidang ini?
62. Siapakah idola yang puan kagumi dalam bidang ini?
63. Bagaimanakah puan mampu untuk sampai ke tahap ini?
64. Pernahkah puan tidak berjaya dalam bidang ini?
65. Selain kepakaran dalam bidang ini, apa lagi kepakaran yang puan ada?
66. Apakah reaksi ahli keluarga apabila puan menceburi bidang ini?
67. Apakah keistimewaan bidang ini bagi puan?

*C4: Pengurus Butik Ayu Fashion*

68. Mengapakah nama butik ini diletakkan sebagai Butik Ayu Fashion?
69. Berapakah modal awal yang diperlukan untuk membuka Butik Ayu Fashion?
70. Berapakah bilangan pekerja yang ada di Ayu Fashion?
71. Bagaimanakah puan bahagikan masa antara keluarga dan kerjaya?
72. Setelah berhempas pulas berkerja apakah benda yang pertama puan hadiahkan kepada diri?
73. Pernahkah puan menyertai pameran untuk mempromosikan batik blok puan?
74. Adakah puan menggunakan platform media sosial?
75. Selain media sosial, adakah platform lain yang digunakan untuk puan mempromosikan batik blok ini?
76. Puan ada menggunakan poster atau banner untuk mempromosikan batik blok di kawasan setempat?
77. Bagaimanakah sambutan dari orang ramai?
78. Adakah puan mempunyai pelanggan tetap dan seberapa kerap mereka membeli?
79. Majoriti pelanggan puan berasal dari mana?
80. Bagaimanakah puan mendapat pelanggan dari luar negara?

81. Bagaimanakah tempahan dan penghantaran dilakukan untuk pelanggan yang jauh?
82. Apakah kejayaan yang telah puan perolehi?
83. Adakah perniagaan puan terjejas semasa Covid-19 berlaku?
84. Pernahkah puan merasa putus asa sepanjang kerjaya puan?
85. Bolehkah puan ceritakan aktiviti terkini yang sedang puan sertai ataupun yang bakal sertai?
86. Bagaimanakah puan memotivasikan diri untuk meneruskan menceburi bidang ini?
87. Apakah motto hidup puan?

#### **D. SUMBANGAN**

88. Apakah sumbangan puan kepada Butik Ayu Fashion itu sendiri?
89. Apakah sumbangan puan kepada masyarakat setempat?
90. Dari segi pencapaian, adakah puan menerima anugerah?
91. Berapakah anugerah yang puan perolehi sepanjang Butik Ayu Fashion beroperasi?
92. Pada tahun berapakah anugerah itu diberikan?
93. Apakah perasaan puan apabila menerima anugerah tersebut?

#### **E. HARAPAN**

94. Adakah pencapaian lain yang ingin puan kecapai?
95. Apakah nasihat puan kepada masyarakat supaya menghargai seni?
96. Apakah pandangan puan mengenai bidang seni ini, haruskah dikekalkan ke generasi seterusnya?
97. Pada pendapat puan mengapakah penting untuk kita kekalkan bidang ini?
98. Apakah penambahbaikan yang puan harap sangat dapat dipertimbangkan?
99. Apakah harapan puan pada masa hadapan dalam bidang ini?
100. Apakah harapan puan untuk generasi muda lebih menceburi bidang ini?

**GAMBAR**



